

16/10/1998

Kewangan global perlu berubah

PASARAN kewangan global sekarang berada di persimpangan dan memerlukan perubahan berikutan perkembangan telekomunikasi dan teknologi maklumat mewujudkan suasana yang menjangkau keupayaan bidang tugas badan kawal selia tradisi.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid, berkata beberapa tahun kebelakangan ini, kegiatan kewangan global menjadi semakin kompleks dan dinamik, menyebabkan sempadan antara aturan institusi dan kegiatan kewangan semakin kabur.

Sebagai contoh, katanya, masalah risiko sistemik yang sebelum ini menjadi urusan bank pusat, kini turut memerlukan pembabitatan badan pengawal selia sekuriti. Risiko sistemik ialah apabila sesebuah bank gagal menyempurnakan transaksi dengan bank lain menyebabkan kesan berangkai, sekali gus menyebabkan bank itu gagal menyelesaikan transaksi mereka dengan bank lain pula.

"Bidang lain dengan inovasi dan evolusi pasaran kini melangkaui peraturan sedia ada ialah kegiatan pelabur antarabangsa dan perdagangan di pasaran aset yang berbeza-beza.

"Ini menyebabkan badan pengawal selia sukar dan kecewa dalam usaha mereka mengawasi aktiviti pasaran serta memberi tindak balas yang sesuai bagi membetulkan sebarang kegagalan pasaran," katanya.

Dr Munir berucap pada majlis makan malam sempena persidangan serantau mengenai pasaran kewangan, pentadbiran korporat dan masa depan keajaiban Asia di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau menegaskan, perubahan yang perlu dilaksanakan berhubung aktiviti pelabur antarabangsa ialah menghapuskan kekaburan yang menyelubungi sesetengah kategori pelabur antarabangsa.

Menurutnya, ketelusan juga perlu ada pada pembekal modal iaitu pelabur seperti dana lindung nilai dan bukan saja pengguna modal seperti negara yang sedang muncul.

"Ini kerana ejen ekonomi yang menggunakan pasaran modal antarabangsa, seperti juga ejen yang membekalkan modal itu kepada pasaran, mempunyai hak mutlak untuk menikmati persekitaran pasaran yang cekap, stabil dan adil.

"Oleh itu, di samping penggalak sekuriti yang dikehendaki mendedahkan maklumat mengenai sekuriti yang hendak mereka jual, begitu juga dengan pelabur besar yang melangkaui sempadan dan pasaran patut dikenakan peraturan pendedahan maklumat yang serupa," katanya.

Dr Munir juga berkata, masyarakat global kini semakin menerima pandangan yang pernah diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu struktur sistem kewangan antarabangsa sekarang seolah-olah membenarkan perlakuan yang menjejaskan keseluruhan sistem.

(END)